

MAHATHIR

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI

1982

KUALA LUMPUR, 20 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN PADA KADAR SERINGGIT DIBAYAR SERINGGIT YANG BOLEH MENYEBABKAN PERBELANJAAN KERAJAAN TIDAK TERMASUK DALAM BELANJAWAN.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM PERSIDANGAN ROTARY DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA DALAM KEADAAN SEUMPAMA INI PENDUDUK DI SESUATU TEMPAT MENYERTAI KERAJAAN UNTUK MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK BAGI FAEDAH MEREKA, KERAJAAN MENYUMBANGKAN SERINGGIT BAGI SETIAP RINGGIT YANG DISUMBANGKAN OLEH RAKYAT UNTUK PROJEK TERSEBUT.

+SEBENARNYA KERAJAAN TIDAKLAH MENGGALAKKAN DEMIKIAN KERANA IAH MUNGKIN TERLIBAT DALAM PERBELANJAAN YANG TIDAK TERMASUK DALAM BELANJAWAN+, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

TAMBAH BELIAU INI TIDAKLAH BERERTI TIDAK ADA KESANGGUPAN DARI PIHAK KERAJAAN.

KATANYA INI IALAH KERANA PERATURAN TERTENTU BELANJAWAN PERLU ADA SEKIRANYA WANG RAKYAT HENDAK DITADBIRKAN DENGAN SEMPURNA. --

LAGI 2010/MK

NNNN

ZCZC B623

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYERTAAN RAKYAT DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN ATAU MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK BAGI FAEDAH MEREKA SENDIRI DIGALAKKAN DI MALAYSIA.

ORANGRAMAI BOLEH BERBUAT DEMIKIAN MELALUI PERSATUAN ATAU PERTUBUHAN MASING-MASING SECARA MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK YANG MENGUNTUNGGAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEKANKAN PERLUYNYA MENGELAKKAN SIKAP TERLALU BERGANTUNG KEPADA PERTOLONGAN LUAR.

+SUNGGUHPUN KITA MENYANJUNGI PERANAN DERMA DAN PEMBERIAN DALAM MENINGKATKAN KEADAAN HIDUP MASYARAKAT YANG MEMERLUKAN, KITA JUGA PERLU BERWASPADA UNTUK MENGELAKKAN SIKAP SEUMPAMA ITU.+

BELIAU BERKATA SEBAGAI CONTOH KELAB-KELAB PERKHIDMATAN JANGANLAH HENDAKNYA MEMILIH JALAN MUDAH SEPERTI MENGUTIP DERMA DAN MEMBAHAGI BAHAGIKANNYA.

KATANYA MEREKA PERLU LAH BERDIKARI, +LEBIH BAIKLAH-BERGOTONG GOTONGS  
BAGI MEMBOLEHKAN SETIAP ORANG TURUT MENGAMBIL BAHAGIAN DARIPADA  
MENGHARAPKAN PEMBERIAN ORANG+. -- LAGI 2015/MK  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PROJEK GOTONG ROYONG BUKAN SAHAJA DAPAT DIRASAI  
OLEH PIHAK YANG DIBANTU MALAH DAPAT MENANAMKAN SEMANGAT UNTUK  
BERKHIDMAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK SIAPAPUN DAPAT MENAFIKAN  
BAHAWA SESEBUAH MASYARAKAT YANG MENGHARGAI DAN MENGGALAKKAN  
PERKHIDMATAN SECARA SUKARELA ADALAH SEBUAH MASYARAKAT YANG LEBIH  
BAIK.

BELIAU JUGA MENYENTUH TENTANG PERANAN PERTUBUHAN-KEBAJIKAN YANG  
MENURUTNYA DAPAT DIJADIKAN KENDERAAN BAGI MENCAPI BUKAN SAHAJA SATU  
SUSUNAN SOSIAL MALAH SATU SUSUNAN EKONOMI DAN POLITIK.

KATANYA BANYAK YANG DAPAT DILAKUKAN OLEH PERTUBUHAN-PERTUBUHAN  
KEBAJIKAN BAGI MENYEDARKAN MASYARAKAT. +PADA DASARNYA KESEDARAN  
INILAH YANG TIDAK WUJUD+.

BELIAU BERKATA GOLONGAN YANG KAYA DAN BERKEUPAYAAN DALAM  
MASYARAKAT DAN MASYARAKAT ANTARABANGSA TIDAK MEMPUNYAI KESEDARAN  
INI LAGI. -- LAGI 2016/MK

NNNN  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA INI MERUGIKAN UMAT MANUSIA SELAGI GOLONGAN SOSIAL  
TIDAK BERUBAHA MENIMBULKAN KESEDARAN ITU DI KALANGAN MASYARAKAT.

KATANYA DUNIA SEMAKIN MENGHADAPI BANYAK MASALAH DAN TAMADUN  
DIKUASAI OLEH SIFAT TAMAK, MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI DAN BONGKAK.

TAMBAH BELIAU +KEMAJUAN YANG DICAPAI SUNGGUH MENKAGUMKAN  
DAN PARA PEMIMPIN LEBIH MUDAH MEMBINCANGKAN SESUATU TAPI SEMAKIN  
BANYAK PENDERITAAN DI SELURUH DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA ANGGOTA PERTUBUHAN  
KEBAJIKAN SEPERTI ANGGOTA KELAB ROTARY DAPAT MEMBERIKAN BANYAK  
PENGAJARAN KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN DUNIA.

BELIAU MENAMBAH UMAT MANUSIA AKAN SENTIASA BERSYUKUR SEKIRANYA  
MEREKA BOLEH MENGAMALKAN AKSIOM YANG MUDAH INI BAGI MENGELAKKAN  
BERLAKUNYA LEBIH BANYAK MALAPETAKA. -- BERNAMA 2020/MK